



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR

NAMA KURSUS : ETIKA PERNIAGAAN
KOD KURSUS : DSM 1073
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **tiga (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (30 Markah)
BAHAGIAN B (10 Markah)
BAHAGIAN C (60 Markah)
2. Jawab **BAHAGIAN A** di dalam kertas jawapan objektif **BAHAGIAN B** dan **BAHAGIAN C** di dalam buku jawapan yang diberikan.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

BAHAGIAN A (SECTION A) [30 MARKAH/MARKS]

Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan. Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan Objektif.

*This section consists of **THIRTY (30)** questions. Answer **ALL** questions in the multiple choice booklet .*

1. Apakah maksud "more" bagi kata dasar Moral ?

What is the meaning of "more" come from basic word of Moral?

- A Hukuman

Punishment

- B Balasan

Consideration

- C Penerimaan

Acceptance

- D Sopan santun

Politeness

Ia akan timbul apabila pembahagian antara yang beretika benar atau salah tidak jelas

(It will arise when the divisions between ethics are true or wrong is unclear)

Penyataan 1

Statement 1

2. Apakah prinsip yang dirujuk oleh kenyataan di atas?

Which of the following principles is referred to by the above statement?

- A Etika

Ethics

- B Moral

Moral

- C Dilema

Dilemma

- D Penerimaan

Acceptance

3. Pilih Penyataan yang **benar** tentang etika.

Choose true Statement on ethics.

- A Etika lebih menjurus kepada aspek teori sahaja.

Ethics is more geared towards theoretical aspects only.

- B Etika adalah ilmu pemikiran tentang emosi manusia.

Ethics is the knowledge about human emotions.

- C Etika merujuk kepada nilai dan kelakuan masyarakat.

Ethics refers to the values and conduct of society.

- D Etika tidak membezakan antara perilaku baik dan buruk seseorang.

Ethics does not distinguish between one's good and bad behavior.

4. Faktor berikut mempengaruhi etika **kecuali**

The following factors influence ethics except

- A naluri.

instinct

- B manusia.

human

- C keterlaluan.

outrageous

- D keturunan.

heritage

5. Apakah perbezaan antara undang-undang dan etika?

what is the difference between law and ethics?

- A Etika bersifat umum.

Ethics is general.

- B Etika disokong oleh perundangan.

Ethics is supported by legislation.

- C Undang-undang bersifat keras.

The nature of law is rigid.

- D Undang-undang dikawal oleh masyarakat.

Community control by the laws.

6. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai etika dan peraturan.

*Choose the **correct** statement for ethics and rules.*

- A Peraturan boleh wujud dengan sendirinya.

Rules can exist by themselves.

- B Masyarakat tidak memerlukan peraturan dalam proses sosiolisasi.

The community does not need regulations in the socialization process.

- C Peraturan merupakan ukuran yang mesti diikuti untuk sikap yang baik.

Regulation is a measure that must be strived for a good attitude.

- D Peraturan hidup boleh membantu seseorang menjadi lebih taat pada agama.

Living rules can help a person become more religious.

7. Sumber undang-undang Islam terdiri daripada berikut **kecuali**

*Sources of Islamic law comprises of the followings **except***

- A aqad.

- B Ijmak.

- C al- Quran.

- D as-Sunnah.

8. Yang manakah antara berikut **bukan** faktor yang dapat membantu dalam proses menilai?

*Which of the following is **not** a helpful factor in the evaluation process?*

- A Personaliti

Personality

- B Keturunan

Heritage

- C Pembelajaran

Learning

- D Pengalaman

Experience

9. Yang manakah merupakan perkembangan moral insan mengikut prinsip Laurence Kohlberg?

Which of the following is moral development of human according to the principles of Laurence Kohlberg?

- A Beorientasikan prinsip sejagat.
Oriented towards the universal principle.
- B Beorientasikan kepatuhan dan hukuman.
Oriented towards compliance and punishment.
- C Berorientasikan tatusila dan manusia sejagat.
Oriented paradigm and human beings.
- D Berorientasikan undang-undang dan peraturan.
Oriented laws and regulations.

10. Apakah konsep asas dalam pembentukan etika sosial?

What are the basic concept in social ethics development?

- A Etika dan moral.
Ethics and moral.
- B Baik dan buruk.
Good and bad.
- C Betul dan salah.
Right or wrong.
- D Deontologi dan teleologi.
Deontology and teleology.

11. Apakah teori utama dalam etika perniagaan?

Which of the following are the main theory of business ethics?

- A Teori teologi
Theology theory
- B Teori Utilitarian
Utilitarian theory
- C Teori kemoralan sosial
Social moralization theory
- D Teori keperibadian mulia
Noble personality theory

12. Yang manakah berikut **bukan** kepentingam tindakan afrmatif?

*Which of the following is **not** an issue of?*

- A Menjana perasaan negatif.
Generating negative feelings.
- B Memecahkan semua amalan diskriminasi.
Solve all discriminatory practices.
- C Ketidakseimbangan dan ketidaksamaan yang disebabkan oleh diskriminasi.
Imbalances and inequalities caused by discrimination.
- D Membolehkan ahli kumpulan untuk bersaing dengan sihat dalam pasaran pekerjaan.
Allow members to compete with healthy job market.

13. Apakah nama selain etika preskriptif?

What is the name beside prescriptive ethics?

- A Descriptif
Descriptive
- B Formatif
Formative
- C Normatif
Normative
- D Meta
Meta

Tingkah laku berpandukan persetujuan yang diterima dan mengamalkan sikap bertolak ansur
(*Behavior based on acceptance and adoption of tolerance*)

Penyataan 2

Statement 2

14. Apakah elemen moral yang berkaitan dengan penyataan 2?

What is the moral element associated with the statement 2?

- A** Kontrak sosial
Social contract
- B** Hubungan sesama insan
Human relationship
- C** Kepatuhan dan hukuman
Compliance and punishment
- D** Undang-undang dan peraturan
Laws and regulations

15. Fariq merupakan seorang pengurus bank di Singapura. Beliau sering menyarankan pegawai di bawah seliaanya menjalankan tanggungjawab dengan dedikasi. Disebalik itu, Fariq merupakan seorang yang gemar merokok di dalam tandas di pejabat beliau. Apakah salah laku yang dilakukan oleh Fariq?

Fariq is a bank manager in Singapore. He often advised his worker to carry out their responsibilities with dedication. But, Fariq was a smoker, he loves to smoked in the toilet at his office. Which of the following is the mistake committed by Fariq?

- A** Etika
Ethics
- B** Moral
Moral
- C** Keadilan sejagat
Fairness of justice
- D** Undang-undang
Laws

"Ia merupakan cabang etika yang bertujuan untuk memahami sifat-sifat etika dan pertimbangan"

"It is a branch of ethics that aims to understand ethics attributes and judgemental"

Penyataan 3

Statement 3

16. Manakah antara berikut merupakan definisi yang dinyatakan di dalam kenyataan di atas?

Which of the following is the definition stated in the above statement?

A Deskriptif

Descriptive

B Formatif

Formative

C Meta

Meta

D Normatif

Normative

17. Apakah yang dimaksudkan dengan moral di dalam sesuatu tingkah laku?

What is meant by morality in a behavior?

A Sesuatu tindakan berlandaskan kehendak agama.

An action that is based on the will of religion.

B Sesuatu tindakan berdasarkan kemahuan pihak lain.

That is an act based on the wishes of others.

C Sesuatu tindakan seseorang sama ada salah ataupun betul.

Someone's actions which is wrong or right.

D Sesuatu tindakan yang mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

There is an action that follows the rules set.

18. Yang manakah **bukan** merupakan moral seseorang dalam sesuatu pekerjaan?

*Which of the following is **not** someone's moral in a job?*

- A Mengambil cuti sakit sekiranya tidak sihat.
Take sick leave if unwell.
- B Membantu pekerja lain menjalankan tugas.
Help other workers carry out tasks.
- C Menjalankan tugas sampingan di dalam waktu bekerja.
Running side tasks in working time.
- D Menyiapkan kerja yang diamanahkan dengan rasa tanggungjawab.
Prepare a job entrusted with a sense of responsibility.

19. Apabila seseorang dipuji apabila melakukan tindakan yang betul perkara itu dilihat sebagai

When someone is commended when doing the right action seen as

- A berorientasikan ganjaran.
rewards oriented.
- B berorientasikan kontrak sosial.
social contract oriented.
- C berorientasikan prinsip sejagat.
universal-oriented principle.
- D berorientasikan kepatuhan dan hukuman.
punishment and compliance oriented.

20. Antara yang berikut pandangan moral yang manakah perlu diambil kira dalam proses membuat keputusan?

Which of the following moral views should be taken into account in the decision-making process?

- A Tidak menjadi hujah moral.
It is not a moral argument
- B Mementingkan diri sendiri.
Selfish
- C Tidak dinyatakan dengan betul.
Did not stated properly
- D Ia perlu jelas dan difahami oleh semua.
It needs to be clear and understood by all

21. Kepentingan etika dilihat dalam konteks sejagat melalui semua yang di bawah kecuali

The importance of ethics be seen in the context of the universal through all the statement below except

- A individu.
individual.
- B majikan.
employer.
- C keluarga.
family.
- D organisasi.
organization.

22. Ikatan yang erat berdasarkan etika _____ dapat mewujudkan keharmonian.

Tight commitment based on ethics _____ that can create harmony.

- A individu
individual
- B majikan
employer
- C keluarga
family
- D organisasi
organization

23. Apakah ciri-ciri pengurusan etika yang baik?

Which of the following are general characteristic of good ethics management?

- A Berilmu
Educated
- B Integriti
Integrity
- C Teratur
Standardized
- D Bersopan-santun
Courtesy



Gambar 1

Picture 1

24. Apakah situasi yang terdapat di gambar 1 yang mungkin akan terjadi dalam sesebuah organisasi?

What is the situation in figure 1 that might happen in an organization?

- A Kesatuan sekerja.
Labor union.
- B Penyertaan pekerja.
Employee participation.
- C Tanggungjawab sosial
Corporate social responsibility.
- D Jenayah kolar putih.
White collar crime.



"What if, and I know this sounds kooky,
we communicated with the employees."

Gambar 2

Picture 2

25. Gambar 2 diatas merujuk kepada situasi perhubungan antara majikan dan pekerja. Yang manakah pernyataan yang tepat tentang gambar di atas?

The picture 2 above refers to the relationship situation between employer and employee. Which is the exact statement of the picture above?

- A Kerjasama
Cooperation
- B Penyertaan pekerja
Employee participation
- C Pentadbiran atasan
Top management level
- D Komunikasi dua hala
Two way communication

26. Apakah kesan sekiranya sesebuah organisasi mempunyai pentadbiran korporat?

What is the effect, if an organization has corporate governance?

- A Kuasa politik

Political power

- B Etika kerajaan

Government ethics

- C Keyakinan pelabur

Investor confidence

- D Persoalan pelabur

Investor issues

27. Mengapakah kita perlu mempelajari tadbir urus korporat?

Why should we learn about corporate governance?

- A Tidak harus dipertanggungjawabkan oleh pemegang-pemegang saham.

No need to be held accountable by shareholders.

- B Untuk menjelaskan reputasi mereka yang sangat diperlukan apabila menghadapi persaingan sengit.

To undermine their indispensable reputation when faced with rivalry.

- C Untuk menjaga reputasi mereka yang sangat diperlukan apabila menghadapi persaingan sengit.

To keep their reputation indispensable when facing fierce competition.

- D Sebahagian daripada tanggungjawab korporat syarikat untuk mematuhi amalan-amalan yang dianggap tidak bersesuaian.

Part of the company's corporate responsibility to comply with inappropriate practices.

28. Golongan warga korporat terdiri daripada

The corporate citizen consists of

- A pekerja.
employee.
- B pelanggan.
customer.
- C masyarakat.
community.
- D pemegang saham.
investor.

29. Apakah definisi tanggungjawab sosial?

What is the definition of corporate social responsibility?

- A Menghormati maruah pekerja dan keperluan asasi manusia.
Respect the dignity of workers and human needs.
- B Kewajipan sesuatu organisasi memberi sumbangan untuk kebajikan masyarakat.
The duty of organization to contribute to the welfare of society.
- C Menyediakan maklumat yang sesuai dan betul kepada pelabur tentang prestasi kewangan organisasi.
Providing appropriate and correct information to investors about the financial performance of the organization.
- D Menyediakan kaedah alternatif terhadap pengedalian kumbahan, sisa-sisa berbahaya dan sisa buangan yang lain.
Provide alternative methods of sewage management,harmful residues and others wastes.



Gambar 3

Picture 3

30. Dengan merujuk gambar di atas, yang manakah paling sesuai?

By referring to the image above, which one is most appropriate?

A Biasiswa

Scholarship

B Syarikat

Company

C Pekerjaan

Employment

D Tanggungjawab sosial

Corporate social responsibility

[30 MARKAH/MARKS]

PART B / BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

*This part consists of **TWO (2)** questions. Answer **ALL** questions in Answer Booklet.*

Kajian Kes: Tindakan afirmatif di Tempat Kerja

Seorang pengurus yang berwibawa akan mengambil kakitangan yang berkebolehan untuk berkhidmat dalam perniagaannya, memastikan penamatan perkhidmatan oleh pekerjaannya adalah yang rendah dan memperoleh ketaatan kakitangan yang jitu terhadap syarikat. Di samping itu juga, matlamatnya adalah untuk mengekalkan dan meningkatkan produktiviti kakitangan di mana yang perlu.

Case Study: Affirmative Action in the Workplace

A competent manager will take the staff who are capable of serving in his business, ensuring the termination of his / her employment by his / her employment is low and to have a strong employee obedience to the company. In addition, the goal is to maintain and improve the productivity of staff where it is necessary.

- 1) Terangkan yang anda faham dengan konsep ketaatan seseorang kakitangan terhadap majikannya.

Explain what do you understand by the concept of adherence of a staff to his employer.

(5 markah/marks)

- 2) Huraikan dengan jelas perbezaan antara tindakan afirmatif dan layanan terpilih dalam konteks pengambilan pekerja.

Explain clearly the distinction between affirmative action and selected services in the context of hiring.

(5 markah/marks)

[10 MARKS/MARAKAH]

PART C/BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan. Jawab **TIGA (3)** soalan di dalam Buku Jawapan.

*This part consist of **FOUR (4)** questions. Answer **THREE (3)** the questions in the Answer Booklet.*

SOALAN 1

Pengurusan daya manusia kerap membahaskan isu etika dan tanggungjawab sosial majikan kepada pekerja. Huraikan maksud berikut:

Human resource management often debates ethical issues and social responsibility of employers to employees. Describe the following:

- i. Etika
ethics
- ii. Tanggungjawab sosial
corporate social responsibility
- iii. Diskriminasi
Discrimination
- iv. Hak individu
individual rights
- v. Campurtangan kerajaan
Government intervention

(20 markah/marks)

SOALAN 2

Bincangkan konsep "beretika" daripada perspektif moral dan huraikan faktor-faktor yang menentukan pembentukan "sifat-sifat beretika" seseorang individu.

Discuss the "ethical" concept from a moral perspective and describe what are the factors that determine the formation of an "ethical nature" of an individual.

(20 markah/marks)

SOALAN 3

Bincangkan faedah yang dapat diperoleh apabila sesebuah organisasi melaksanakan program etika.

Explain the benefits of obtaining an ethical program.

(20 markah/marks)

SOALAN 4

Bincangkan **tiga (3)** kesan pentadbiran korporat dan **dua (2)** etika negatif dalam pengurusan di Malaysia.

*Discuss **three (3)** administrative effects of a corporation and **two (2)** negative ethics of management in Malaysia.*

(20 markah/marks)

[60 MARKS/MARCAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

END OF QUESTION PAPER

